

24 OCT 2002

Mahathir-Australia

MALAYSIA TAK TERIMA KEHADIRAN TENTERA AUSTRALIA PERANGI KEGANASAN

ALOR STAR, 24 Okt (Bernama) -- Malaysia tidak akan menerima kehadiran tentera Australia di negara ini dalam usaha memerangi keganasan di Asia Tenggara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kehadiran tentera Australia di mana-manapun di rantau ini mungkin menjadi sasaran aktiviti keganasan pula.

"Kalau ditempatkan di mana-mana tempat, mereka mungkin akan menjadi sasaran. Jadi sementara kita sekarang ini aman, (tetapi, dengan kehadiran mereka) mungkin akan terdedah kepada tindakan keganasan," katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat Umno Bahagian Kubang Pasu di sini. Beliau adalah juga ketua bahagian itu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard mengenai kemungkinan negara itu menghantar tenteranya ke rantau ini bagi tujuan itu.

Howard membuat kenyataan itu ekoran kejadian pengeboman di Bali pada 12 Okt yang mengorbankan sekurang-kurangnya 183 orang, ramai daripadanya rakyat Australia.

Mengenai pembatalan mesyuarat G-15 yang dijadual 26 hingga 30 Okt di Venezeula berikutan cubaan pemberontakan di negara itu, Dr Mahathir kecewa dengan pembatalan itu kerana ia melibatkan pakatan negara-negara selatan.

"Saya memang kecewa pasal kita berpendapat ini pakatan negara-negara selatan dan kita dapati kadang-kadang negara-negara selatan ini menghadapi banyak masalah sehingga tak boleh dapat adakan mesyuarat yang penuh kuorum dan sebagainya," katanya.

Segelintir kecil tentera Venezeula cuba mengajak rakyat dan tentera negara itu bangun memberontak bagi menggulingkan kerajaan Presiden Hugo Chavez. Bagaimanapun, tentera masih berdiri teguh di belakang beliau.

G-15 yang ditubuhkan pada 1989 dianggotai oleh Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Colombia, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezeula dan Zimbabwe.

Tahun lepas, mesyuarat G-15 berlangsung di Jakarta.

-- BERNAMA

JM MAI